
jangkaan kerugian kredit yang lebih tinggi pada tahun 2021 dengan mengurangkan dividen kepada pemegang saham, melaksanakan program pelaburan semula dividen, dan memperoleh ekuiti baharu. Sesetengah bank turut mengeluarkan instrumen modal Tambahan Kumpulan 1 dan Kumpulan 2, bagi menggantikan instrumen modal Kumpulan 2 yang tidak lagi diambil kira sebagai modal pengawalseliaan secara berperingkat di bawah pengaturan peralihan Basel III. Penampan modal bank yang stabil telah dikekalkan, dengan nisbah aset berwajaran risiko kepada jumlah aset kembali ke paras sebelum COVID-19 (Disember 2020: 57.4%; Mac 2020: 56.5%; Disember 2019: 57.5%), menunjukkan keupayaan institusi perbankan untuk terus menyokong aliran kredit ke dalam ekonomi.

## Pengurusan Risiko Iklim oleh Institusi Kewangan

Institusi kewangan telah mencapai kemajuan dalam tindak balas terhadap risiko berkaitan iklim. Lebih banyak institusi kewangan telah mula merumuskan strategi jangka panjang mereka ke arah kelestarian. Hal ini termasuk mengimbangi semula portfolio mereka, berikutan implikasi potensi dedahan risiko iklim terhadap pemberian pinjaman teras, perniagaan insurans, perniagaan insurans dan pengambilan deposit, di samping aktiviti derivatif dan pelaburan (Rajah 2.17). Institusi kewangan juga semakin giat menggalakkan dan membantu pelanggan mereka untuk menerima pakai amalan yang lestari menerusi aktiviti pemberian pinjaman, khidmat nasihat dan/atau pelaburan.

Susulan daripada peningkatan interaksi penyeliaan dengan institusi kewangan sejak awal tahun 2020, perkembangan positif telah dilihat dalam usaha yang dilaksanakan oleh institusi kewangan untuk menerapkan

**Rajah 2.17: Dedahan Institusi Kewangan Malaysia dalam Sektor yang Berpotensi Terdedah kepada Perubahan Iklim (sebagai % daripada Jumlah Aset)**




Nota: 1. Pembinaan termasuk kerja kejuruteraan awam, pembinaan harta kediaman dan harta bukan kediaman; utiliti termasuk elektrik dan air; pengangkutan termasuk pengangkutan darat, air dan udara; pertanian utama termasuk terutamanya minyak sawit
2. Angka-angka merujuk kepada dedahan sehingga akhir bulan Disember 2020. Dedahan berdasarkan keperluan pelaporan sedia ada dan akan diperincikan dengan pelaksanaan keperluan Perubahan Iklim dan Taksonomi Berasaskan Prinsip

Sumber: Anggaran Bank Negara Malaysia

**Gambar Rajah 2.3: Perkembangan Penting yang Diperhatikan di Institusi Kewangan**

**Pengurusan risiko berkaitan iklim semakin mendapat perhatian tetapi pada kadar yang tidak sekata di seluruh industri**

| | Pemerhatian penting | Inisiatif utama |
|---|---|---|
| Tadbir urus & strategi | • Kepimpinan yang lebih kukuh oleh Lembaga dan pengurusan kanan mengenai keperluan untuk mengintegrasikan pertimbangan berkaitan iklim dalam strategi perniagaan dan keputusan, dengan amalan pengurusan risiko | • Menubuhkan pasukan khas dan dinaungi oleh pengurusan kanan bagi inisiatif berkaitan iklim<br>• Tumpuan khusus terhadap risiko iklim sebagai agenda tetap dalam mesyuarat-mesyuarat Lembaga dan jawatankuasa pengurusan |
| Dasar & rangka kerja | • Meningkatkan integrasi pertimbangan berkaitan iklim dalam rangka kerja pengurusan risiko dan amalan | • Menubuhkan rangka kerja risiko iklim dan dasar, dan kesanggupan mengambil risiko untuk kumpulan<br>• Menjalankan penilaian risiko iklim terhadap beberapa segmen pelanggan, termasuklah dalam amalan pengunderaitan<br>• Risiko iklim diterap dalam pengurusan risiko kumpulan. Membentuk rangka kerja pengurusan risiko peralihan bagi pemantauan dan pengurusan risiko kredit yang berkesan |
| Pembinaan keupayaan | • Memberikan lebih tumpuan terhadap peningkatan kesedaran dan keupayaan teknikal kakitangan | • Membentuk pelan hala tuju latihan berstruktur untuk kakitangan<br>• Mengupah pakar bidang untuk menyediakan sokongan teknikal dan mempercepat pembangunan ilmu pengetahuan |
| Pembangunan produk & penyelesaian | • Pengenalan produk baharu seperti pinjaman berkaitan kelestarian, perlindungan insurans/takaful bagi risiko cuaca dan iklim, dan kadar keutamaan untuk pembelian produk dan penyelesaian hijau | • Kadar keutamaan bagi teknologi tenaga boleh diperbaharui<br>• Melabur dalam teknologi alternatif dan projek infrastruktur berkaitan untuk menyokong pengurangan dan adaptasi risiko iklim |
| Laporan & penzahiran | • Lebih banyak institusi kewangan komited dan mengambil langkah aktif untuk menerima pakai saranan TCFD dan penzahiran berkualiti yang lebih baik | • Memulakan inisiatif pengumpulan data<br>• Membangunkan Pemodelan Bencana Banjir Malaysia bagi meningkatkan pemantauan dan pelaporan risiko |

**Lebih banyak institusi kewangan telah menjadi penandatangan kepada Program Alam Sekitar Prinsip Inisiatif Kewangan bagi Perbankan Bertanggungjawab dan juga bagi Insurans Mampan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu**

Sumber: Bank Negara Malaysia

pertimbangan risiko iklim dalam strategi dan operasi mereka. Hal ini turut merangkumi penyelarasan pengaturan tadbir urus, amalan pendaftaran pelanggan baru, penzahiran dan penyelesaian produk (Gambar Rajah 2.3).

Pada tahun 2021, Bank akan terus bekerjasama dengan industri untuk memberikan sokongan selanjutnya kepada pengurusan risiko iklim dan amalan penzahiran yang lebih kukuh. Satu keutamaan penting ialah pelaksanaan keperluan Perubahan Iklim dan Taksonomi Berasaskan Prinsip (Climate Change and Principle-based Taxonomy, CCPT), di samping perumusan panduan mengikut sektor yang berterusan untuk sektor-sektor perkilangan, minyak dan gas, infrastruktur dan pembinaan. Usaha juga akan diteruskan bagi

menghasilkan sumber praktikal tambahan bagi membantu institusi kewangan menilai dan mengurus risiko berkaitan iklim dengan lebih cekap (Gambar Rajah 2.4). Apabila taksonomi dimuktamadkan, institusi kewangan akan mula merangkumkan dedahan berdasarkan CCPT bagi tujuan pengurusan risiko dalaman dan penyeliaan. Hal ini akan membantu dalam menyokong pengurusan risiko, analisa senario, ujian tekanan dan penzahiran. Inisiatif untuk menggalakkan penggunaan penzahiran berkaitan iklim yang lebih meluas oleh institusi kewangan selaras dengan saranan Pasukan Petugas Mengenai Penzahiran Kewangan Berkaitan Iklim (Task Force on Climate-related Financial Disclosures, TCFD), serta mengembangkan rangkaian produk, penyelesaian dan aktiviti kewangan yang menyokong aktiviti kelestarian. Inisiatif ini akan dilaksanakan sebagai sebahagian daripada usaha Jawatankuasa Bersama Mengenai Perubahan Iklim (Joint Committee on Climate Change, JC3). JC3 akan turut mewujudkan aliran kerja yang khusus bagi mengenal pasti dan merapatkan jurang data berkaitan iklim dan alam sekitar yang diperlukan oleh institusi kewangan bagi menyokong penilaian risiko. Selain itu, usaha akan diteruskan untuk memperluas program pembinaan keupayaan bagi peserta industri untuk memantapkan pengetahuan dan kemahiran mereka dalam pengurusan risiko iklim (sila rujuk Laporan Tahunan BNM 2020 untuk maklumat lanjut tentang peranan dan inisiatif Bank dalam menangani risiko kewangan berkaitan iklim).

**Gambar Rajah 2.4: Pencapaian Utama pada Tahun 2020 dan Keutamaan pada Tahun 2021**

**Disokong oleh kolaborasi bersama industri dan rakan institusi melalui Jawatankuasa Bersama Mengenai Perubahan Iklim dan Komuniti Pengamal Pengantaraan Berasaskan Nilai untuk memastikan peralihan yang teratur**

**Pencapaian Utama pada tahun 2020**

- Pelaksanaan rintis keperluan Perubahan Iklim dan Taksonomi Berasaskan Prinsip
- Menjalankan penilaian bagi amalan penzahiran oleh institusi kewangan dan jurang yang wujud dengan saranan TCFD
- Meningkatkan kesedaran mengenai bidang berkaitan risiko iklim dalam kalangan orang awam dan industri melalui program kesedaran dan pendidikan
- Perundingan awam Rangka Kerja Penilaian Impak Pembiayaan dan Pelaburan Pengantaraan Berasaskan Nilai (Value-based Intermediation Financing and Investment Impact Assessment Framework, VBIAF) panduan sektor bagi tenaga boleh diperbaharui, kecekapan tenaga dan minyak sawit

**Keutamaan pada tahun 2021**

- Penyempurnaan dan pelaksanaan keperluan Perubahan Iklim dan Taksonomi Berasaskan Pinsip
- Pengeluaran kertas perbincangan industri mengenai Panduan Pengurusan Risiko Iklim dan Analisa Senario, dan Panduan Penggunaan TCFD
- Penyempurnaan panduan sektor VBIAF mengenai tenaga boleh diperbaharui, kecekapan tenaga dan minyak sawit
- Pengeluaran dokumen perbincangan mengenai panduan sektor VBIAF bagi sektor perkilangan, minyak & gas serta pembinaan & infrastruktur
- Meningkatkan program pembinaan keupayaan

Sumber: Bank Negara Malaysia